

UTUSAN
23/5/15

Ternakan rusa beri pulangan tinggi

Oleh NAZARUDIN SHAHARI

utusanN9@utusan.com.my

■ REMBAU 22 MEI

PROJEK ternakan rusa *timorensis* di Kampung Semeliang, Kuala Nerang, Kedah yang dimulakan pada September 2008 dengan lima ekor rusa, pada mulanya dijalankan hanya sekadar sebagai hobi.

Walau bagaimanapun, ketua projek berkenaan, Nor Azhar Mohd. Nor, 43, berjaya mengenal pasti kelebihan daripada penternakan itu seperti mudah dipelihara, jinak, sumber makanan mudah diperolehi, risiko yang minimum, nilai pulangan tinggi dan tiada persaingan.

Beliau memberitahu, faktor tersebut telah mendorongnya menjadikan ternakan itu sebagai pilihan untuk dikomersialkan.

"Menyedari potensi pasaran terhadap permintaan benih baka rusa serta daging rusa, maka tercetuslah

"Komuniti Kreatif Desa Inovatif"

**Anugerah
Ilham Desa
PERINGKAT KEBANGSAAN
2015**

idea projek perintis ternakan rusa *timorensis* bertujuan menjadikannya sebagai satu industri kampung.

"Beberapa kaedah dan strategi telah dirangka untuk menjadikan Kampung Semeliang sebagai pengeluaran utama rusa di negeri itu," katanya kepada *Utusan Malaysia* ketika ditemui di tapak majlis Anugerah Ilham Desa (AID) Peringkat Kebangsaan di sini hari ini.

Majlis tersebut diadakan selama tiga hari sejak semalam hingga esok di Dataran Rembau, dekat sini.

Beliau gembira kerana usaha itu sudah mula membuahkan hasil yang mana sehingga kini seramai 50 usahawan memelihara rusa berjaya dilahirkan.

"Pada 2009 tiada dana di Agrobank bagi penternakan rusa, tetapi sejak Oktober 2012 sudah ada pinjaman yang disediakan untuk bidang penternakan ini.

"Ini membuktikan keyakinan banyak pihak termasuk institusi kewangan terhadap potensi penternakan rusa," ujarnya.



NOR AZHAR MOHD. NOOR menunjukkan produk keluaran Kampung Semeliang yang dipamerkan dalam majlis Anugerah Ilham Desa 2015 Peringkat Kebangsaan di Dataran Rembau, Negeri Sembilan, semalam. - UTUSAN/ASWAD YAHYA